

Tabligh Dalam Islam

Makalah di bawah ini ialah ringkasan daripada Mawlana Muhammad Naim guru di dalam bahagian Tafsir dan Fikah di Darul Uloom di Deoband India dalam suatu majlis ceramah anjuran Persatuan Pelajar-pelajar Melayu di India cawangan Deoband bertempat di rumah persatuan tersebut baharu-baharu ini.

(Kiriman: Muhammad Abu al-Shukri – India)

tempat bercambahnya ilmu agama dan di sanalah jua mula

Pentingnya Tabligh:

Di antara beberapa perkara yang terpenting di dalam Islam ialah perkara tabligh yang mana menjadi nadi kepada perkembangan Islam dari semasa ke semasa dan menjadi satu unsur menyebarkan syiar Islam di dunia ini.

Rasulullah (S.A.W) telah pun bersabda: “*Ballighū ‘anī wa law āyah*” yang bererti “Sampaikanlah pengajaran agama daripadaku walaupun sepotong ayat” di sini dapatlah difaham bahawa tabligh adalah penting sekali di dalam menuju perkembangan Islam yang maha suci. Di dalam menguatkan lagi tentang pentingnya masalah tabligh ini dapat kita ikuti dari lembaran sejarah perkembangan Islam di zaman yang silam dan tersinarnya ilmu agama serta berdirinya markas-markas ilmu pengetahuan Islam yang menjadi kemegahan kepada seluruh umat manusia di muka alam ini, khasnya umat Islam sendiri.


Di dalam masa kira-kira 23 tahun sahaja Rasulullah (S.A.W) menjalankan kewajipannya mengtablighkan agama Allah maka natijah dan hasilnya adalah memuaskan yang mana selama di kala itu telah berkembang di luar sangkaan. Maka setelah wafat Rasulullah (S.A.W) kerja tabligh tetap disambung dan diteruskan oleh para sahabat *ridwānū Allāhu ‘alayhim* dan tabiin seterusnya oleh *tābi‘ al-tābi‘ īn sehingga ke hari ini. Pendek kata berkembangnya Islam ke pelusuk alam ini adalah dari natijah tabligh yang telah dilakukan terus-menerus.*

Hukum Tabligh:

Allah Ta‘ālā berfirman: “*Waltakun minkum ummatun yad‘ūna ilā al-khayri wa ya‘murūna bi al-ma‘rūfi wa yanḥawna ‘ani al-munkar*” yang bererti: “Hendaklah dijadikan daripada kamu itu satu umat menyeru kepada kebajikan dan menyuruh

tempat bercambahnya ilmu agama dan di sanalah jua mula pertamanya lahir para ulama dan mujahid-mujahid Islam. Dan Makkah dianggap sebagai markas ilmu agama di dunia ini. Kemudian Islam dan ilmunya berkembang ke Madinah dan seterusnya ke Baghdad, Bukhara, Samarkand dan seterusnya ke seluruh pelusuk dunia di Timur dan Barat.

Sebagaimana diketahui dari lembaran sejarah bahawa lahirnya Islam ialah di kota Makkah, yang mana Rasulullah Muhammad (S.A.W) telah diutuskan oleh Allah Ta‘ālā ke alam dunia ini sebagai doktor yang akan mengubati penyakit kejahilan dan kesesatan yang bernoda. Dan jua di kota Makkahlah



Suami isteri dan anak kelihatan semuanya sedang menunaikan kewajipan mereka terhadap Allah tempat mempersebahkan bakti dengan penuh ketaatan yang tidak akan berbelah bahagi.

nasihat-nasihat yang baik (di sini ialah tanggungan alim

ulama) jikalau tak kuasa jua ubahlah dengan hati

(maka di sini ialah peringkat orang-orang awam) iaitu

usaha yang ketiga ini adalah sedaif-daif iman.”

Maka di dalam hadis tersebut dapat difaham bahawa

satu daripada syarat mubaligh ialah ilmu, agar apa yang

dikatakan itu tidak menyesatkan pendengar. Pendek kata

di dalam tiga bahagian yang disebutkan di atas hendaklah

bekerjasama di antara satu dengan yang lain bersatu

fahaman dalam perpaduan yang erat di dalam usaha yang

cemerlang itu. Kerana pemerintah tidak dapat berjalan lancar

dengan tidak ada sokongan rakyat dan rakyat pula tidak

dapat bergerak cergas jika tak ada sokongan pemerintah.

Bagi seorang mubaligh mestilah mempunyai persediaan

yang cukup di dalam usaha mentablichkan agama Allah dengan

cara yang menarik dan gaya yang manis. Pertama sekali

hendaklah seseorang mubaligh bersifat dengan sifat yang terpuji

berkelakuan yang baik mengikut susila yang telah diajar

oleh Rasulullah (S.A.W). Kerana tabligh tidak memadai

dengan syaran-syaran sahaja tetapi hendaklah disertakan

bersama-sama dengan amalan yang lemah lembut serta budi

bahasa yang terpuji, pendek kata tiap-tiap perkataan hendaklah

disertakan dengan amalannya sekali. Kerana amalan yang

baik itu adalah lebih memberi kesan kepada perkembangan

Islam. Hazrat Khawajah Moinuddin Chishti Ajmeri

seorang mubaligh yang termahsyur telah berjaya mengislamkan

penduduk India kira-kira seratus ribu orang ini ialah

hasil dari kerja tabligh yang dilakukan dengan perkataan

dan amalan yang menarik minat.

mentablichkan agama Allah ialah terletak di atas bahu tiap-tiap seorang daripada umat Islam, hanya pihak alim ulama adalah orang yang lebih utama menyempurnakan tanggungjawab ini kerana lemah dan lembabnya pergerakan alim ulama adalah membawa lambatnya kemajuan perkembangan Islam.”

Di dalam menuju tanggungjawab ini pula terbahagi kepada beberapa perkara mengikut mafhum dari sabda Rasulullah (S.A.W): “*Idhā ra ’ā minkum munkaran falyughayyirhu bi yadihi fa in lam yastaṭi ‘fa bi lisānihi fa in lam yastaṭi ‘fa bi qalbihi fa huwa ad‘afu al-īmān*” yang bererti: “Manakala kamu melihat akan satu-satu keburukan maka ubahlah akan dia dengan tangan kamu (di sini ialah tanggungan pemerintah yang terpenting sekali menghapuskan keburukan itu) jikalau tak kuasa ubahlah dengan perkataan iaitu dengan

Mereka berbuat baik dan menegah daripada melakukan kejahanan". Menurut pendapat ahli *mufassirin* bahawa "man" di dalam ayat tersebut ialah *man tab'īdīh*. maka mengikut mafhum "amar" di sini ialah fardu kifayah dan ulama-ulama telah sepakat menyatakan: hukum tabligh ialah fardu kifayah, yang mana jika sesuatu kampung umpamanya atau sesuatu negeri tidak sebahagian daripada penduduknya menuaiakan fardu tabligh ini maka berdosalah ahli kampung atau penduduk negeri itu semuanya.

(S.A.W) ialah Nabi akhir zaman, tidak ada Nabi dan

Rasul selepasnya di dalam menjawab soalan itu maka

Rasulullah bersabda: "*Al-'ulamā'u warathatu al-anbiyā'*"


yang bererti "Ulama ialah mewarisi nabi-nabi". Maka tidak

syak lagi bahawa alim ulamalah lebih bertanggungjawab

di dalam menjalankan kerja yang amat penting ini. Tetapi ini

tidaklah terkhas kepada alim ulama sahaja untuk

menuaiakan tugas tabligh ini bahkan kewajipan



Tujuan Tabligh:

Tujuan tabligh ialah sebagai menyampaikan wasiat Rasulullah (S.A.W) kepada seluruh Banī Insān di muka alam ini agar kembali kepada jalan yang direndai Allah dan guna menghidupkan syiar Islam. Tabligh bukanlah bererti memaksa seluruh insan mesti memeluk agama Islam tetapi tabligh ialah sebagai "*tadhkirah*" atau peringatan. Kerana tak ada paksaan di dalam Islam sebagaimana yang diketahui bahawa Rasulullah (S.A.W) diutus ke dunia oleh Allah Ta‘ālā ialah sebagai "*Bashīran wa Nadhīrā*" bagi seluruh manusia dan untuk "*dā‘iyan ilā Allāhi wa sirājan munīrā*". Maka inilah tujuan tabligh di dalam soal menerima atau sebaliknya terserahlah kepada mereka memilih di antara pertunjuk dan kesesatan....

Siapakah yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja ini?

Setelah Rasulullah (S.A.W) wafat, maka siapakah yang bertanggungjawab di dalam usaha mengembang dan mentabighkan agama Allah yang Maha Suci kerana Nabī Muḥammad

Bangunan Muktamar Islam di Kaherah yang menjadi pusat penghubung antara umat Islam di seluruh dunia.



Pemberita wanita Majalah al-Shabbān al-Muslimīn sedang bertemu ramah dengan Tuan Abdullah de Almeida serta isterinya.

Allah berfirman: “*Wa andhiri al-nāsa yawma ya ṫīhimu al-‘adhāb*” yang bererti: “Berilah khabar duka ya Muḥammad kepada sekalian manusia di satu hari yang akan didatangkan kepada mereka azab (Hari Kiamat)”.

Di sini dapat difaham perlulah mengislahkan orang yang hampir terlebih dahulu, kemudian baharu kepada orang yang lain pula dari kampung ke satu kampung dan ke bandar-bandar seterusnya ke seluruh pelusuk negeri. Maka tidak seyogialah sebagaimana yang didapati sekarang setengah mubaligh-mubaligh telah pergi ke luar negeri yang jauh padahal negerinya yang ditinggal di sekeliling rumahnya dibiarkan dalam gelombang bid‘ah yang menyesatkan.

Cara-cara Tabligh:

Tabligh bukanlah semata-mata untuk mengislamkan orang yang belum Islam sahaja tetapi medan tabligh adalah luas skali terutama ialah untuk mengislahkan amalan umat Islam sendiri yang sedang berkecamuk di dalam gelombang bid‘ah dan khurafat. Maka di samping itu hendaklah pula mengembangkan sayap tabligh kepada seluruh insan yang masih di dalam kesesatan dan kekufuran, kerana dengan eloknya amalan umat Islam sekarang adalah akan menjadi satu daya penarik kepada mereka yang belum memasuki Islam di dalam masalah ini Allah Ta‘ālā berfirman sebagai panduan ke arah cara tabligh yang baik firman-Nya: “*Wa andhir ‘ashīrataka al-aqrabīn*” yang bererti: “Sampaikanlah khabar duka kepada kaum keluargamu yang hampir ya Muḥammad”. Maka selepas daripada itu pula hendaklah mengembangkan sayap tabligh setapak demi setapak kepada ahli-ahli kampung bandar dan seterusnya ke seluruh negeri.

Di dalam masa menyeru manusia ke jalan yang direndai Allah. Allah berfirman: “*Ud'u ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmati wal māw'izati al-ḥasanati wa jādilhum bi allatī hiya ahsan*”. Yang bererti: “Serulah manusia ke jalan Tuhanmu ya Muḥammad dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka dengan cara-cara yang elok.” Maka inilah di antara cara-cara yang baik buat panduan tabligh di dalam Islam. Tetapi tidaklah seperti usaha *missionary* Kristian mereka mencurahkan dengan harta benda yang lumayan, wang ringgit yang melimpah, perempuan-perempuan cantik yang mempesonakan. Tetapi perkembangan Islam tidaklah melalui tarikan kebendaan bahkan perkembangan Islam ialah dengan budi susila Islam yang menarik sebagaimana yang ditunjuk oleh Allah dan Rasul-Nya Muḥammad (S.A.W).

